

Perkahwinan Bajau

Sembulayang, bendera tradisi Bajau dikibarkan di kawasan rumah pengantin perempuan sebagai tanda kawasan larangan.

Oleh **SITI HAJAR ELAH**

Dalam konteks adat perkahwinan, masyarakat Bajau mempunyai peringkat-peringkat tertentu yang perlu diikuti. Pegangan ini juga perlu dipatuhi oleh masyarakat luar. Amalan ini sebenarnya berlandaskan pepatah ‘masuk kandang kambing mengembek, masuk kan-dang harimau mengaum’. Sehubungan itu, masyarakat luar yang ingin menjadikan gadis Bajau sebagai calon isteri perlu terlebih dahulu melengkapkan diri untuk mengetahui adat perkahwinan masyarakat Bajau bagi mengelakkan diri daripada dikatakan ‘tidak tahu adat’. Amalan adat tersebut bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat Bajau, tetapi diamalkan juga oleh masyarakat Dusun, Bisaya, Irranun, Ubian dan suku-suku lain yang terdapat di Sabah.

Dalam adat perkahwinan Bajau, sekiranya seorang pemuda itu menunjukkan minat kepada seorang gadis, pertama sekali diadakan ‘merisik’. Dalam hal ini, pihak tersebut akan mencari orang yang boleh dipercayai untuk menyelidiki keluarga gadis yang diminati. Merisik ini juga adalah bertujuan untuk mengetahui latar belakang keluarga gadis terutamanya berkenaan gerak-geri gadis seperti kebolehan menguruskan rumah tangga, memasak, budi pekerti dan raut wajahnya. Pada ketika itulah juga dapat diketahui sama ada gadis tersebut telah bertunang ataupun belum. Kebiasaannya, maklumat-maklumat tersebut diperoleh dari-pada jiran-jiran gadis tersebut. Bagi masyarakat Bajau, merisik lebih dikenali sebagai ‘tilau-tilau Idaan’.

Sebaik sahaja mengetahui latar belakang gadis dan keluarganya dan teruna dan keluarganya bersetuju dengan pilihan mereka, maka majlis ‘seruan’ ataupun pertunangan akan dijalankan. Dalam majlis seruan, pihak lelaki

membawa sebentuk cincin, sepersalinan pakaian dan wang tunai sebanyak RM100.00 sebagai tanda bagi mengikat tali pertunangan. Kedua-dua pihak akan berbincang mengenai tempoh pertunangan. Kebiasaannya, tempoh yang diambil adalah satu tahun bagi membolehkan pihak lelaki membuat persediaan perkahwinan.

Apabila tempoh yang telah dipersetujui tiba, pihak lelaki akan menghantar barang yang dijanjikan kepada pihak perempuan. Pada ketika itu, pihak perempuan akan menetapkan jumlah kerbau yang akan diberikan untuk majlis perkahwinan nanti. Jumlah kerbau tersebut adalah bergantung pada kedudukan keluarga tersebut, iaitu bagi keluarga golongan berada adalah sebanyak tujuh ekor, golongan sederhana tiga ekor dan golongan biasa satu ekor.

Kemuncak upacara ialah majlis perkahwinan. Dalam majlis perkahwinan, bendera tradisi Bajau yang dikenali sebagai ‘sembulayang’ dikibarkan di kawasan rumah pihak perempuan sebagai tanda kawasan larangan. Ini bermakna, rombongan pihak lelaki tidak dibenarkan melalui kawasan tersebut. Rombongan pihak lelaki hanya boleh masuk ke kawasan tersebut sebaik sahaja mendapat kebenaran daripada pihak perempuan.

Sebelum kedatangan rombongan pihak lelaki, saudara-mara pihak perempuan dan para tetamu akan menikmati hidangan yang disediakan sebelum majlis persandingan diadakan. Permainan sepak manggis, iaitu permainan tradisi Bajau juga turut diadakan. Permainan ini adalah permainan bagi kaum lelaki. Rumah pengantin perempuan akan dihiasi ‘tipe selisir’ (tikar yang dihiasi dengan kain warna-

Tradisi



Antara pakaian yang dipakai dalam tradisi perkahwinan Bajau.

warni), ‘sempangan’ (kain rentang) dan ‘talam tembaga’ (dulang tembaga). Pengantin perempuan akan memakai pakaian tradisi Bajau dan ‘serimpak’ (mahkota). Pengantin lelaki pula memakai pakaian Bajau dan tanjak. Apabila rombongan lelaki datang ke rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki dikehendaki menunggang kuda. Kuda yang ditunggang tersebut pula dihiasi dengan kain berwarna-warni. Kemeriahannya semakin dirasai apabila paluan gong besar dan gong kecil mengikut rentak tegunggu dimainkan. Sebaik sahaja tiba di pekarangan rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki akan dijulang hingga ke tempat di mana majlis akad nikah dijalankan. Kehadiran rombongan lelaki juga akan disambut dengan silat tradisi Bajau dan diikuti dengan tarian Limbai.

Sebaik sahaja selesai persembahan tersebut, akad nikah pun dijalankan diikuti majlis persandingan. Namun begitu, pengantin lelaki yang ditemani jurukah hanya diberi kebenaran naik ke pelamin sebaik sahaja syair dibacakan. Rombongan pihak lelaki juga turut membawa ‘damak’, iaitu bungkusan makanan yang diberikan kepada keluarga pihak perempuan.

Sehari atau dua hari selepas majlis perkah-

winan, wakil pihak lelaki akan datang menjemput kedua-dua mempelai untuk dibawa ke rumah keluarga pengantin lelaki. Dua atau tiga hari di rumah keluarga pengantin lelaki, kedua-dua mempelai akan dihantar ke rumah keluarga pengantin perempuan semula. Keluarga pengantin lelaki akan memberikan peralatan dapur kepada kedua-dua mempelai tersebut. Pemberian tersebut mempunyai simbolik yang menyatakan doa dan harapan kedua-dua ibu bapa agar rumah tangga pengantin tersebut aman damai.

Sesungguhnya adat istiadat merupakan warisan daripada nenek moyang sejak zaman berzaman. Walau bagaimanapun, perubahan demi perubahan turut berlaku dalam adat istiadat tersebut. Ini menyebabkan adat istiadat tersebut semakin dilupakan dan hanya segelintir masyarakat sahaja yang mengamalkannya, iaitu golongan tua. Golongan muda pula beranggapan bahawa adat istiadat tersebut hanyalah sekadar ciptaan masyarakat zaman dahulu dan bukannya menjadi prasyarat yang perlu dipatuhi bagi mengesahkan perkahwinan. Namun begitu, pemakaian pakaian tradisi Bajau masih lagi diamalkan bagi golongan yang ingin memakainya.